

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 1 MAC 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 25

Pulau Pinang kekal pengeksport terbesar

Pulau Pinang kekal pengeksport terbesar

Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport utama Malaysia pada Januari 2023 dengan sumbangan 32.4 peratus, diikuti oleh Johor (19.3 peratus), Selangor (16.6 peratus), Sarawak (8.4 peratus) dan Kuala Lumpur (4.6 peratus).

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Mohd Uzir Mahidin, berkata eksport pada bulan lalu meningkat sebanyak RM1.8 bilion atau 1.6 peratus berbanding bulan sama tahun sebelumnya.

Beliau berkata, eksport lebih tinggi direkodkan bagi kebanyakan negeri iaitu Pulau Pinang (RM1.9 bilion), Johor (RM1.6 bilion), Labuan (RM943.1 juta),

Sarawak (RM909.7 juta), Kuala Lumpur (RM797.1 juta), Negeri Sembilan (RM306.7 juta), Kelantan (RM7.7 juta) dan Perlis (RM1.6 juta).

"Bagaimanapun, eksport menyusut di Selangor (-RM2.4 bilion), Pahang (-RM661 juta), Sabah (-RM650.8 juta), Perak (-RM587.0 juta), Kedah (-RM156.8 juta), Melaka (-RM104.9 juta) dan Terengganu (-RM64.4 juta)," katanya dalam kenyataan Statistik Eksport Import Mengikut Negeri, Januari 2023 yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), semalam.

Beralih kepada prestasi import mengikut negeri, Mohd Uzir

berkata, import pada Januari 2023 juga meningkat RM2.2 bilion atau 2.3 peratus berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya.

Peningkatan, katanya dipacu oleh import yang lebih tinggi kebanyakannya negeri iaitu Johor (RM2.2 bilion), Melaka (RM1.4 bilion), Kuala Lumpur (RM550.5 juta), Terengganu (RM349.7 juta), Negeri Sembilan (RM348.8 juta), Sabah (RM282 juta), Labuan (RM130.2 juta), Sarawak



Mohd Uzir Mahidin

(RM95.2 juta) dan Perlis (RM18.5 juta).

"Walau bagaimanapun, import menyusut di Pulau Pinang (-RM2.2 bilion), Selangor (-RM543.2 juta), Perak (-RM287.2 juta), Kedah (-RM258.0 juta), Pahang (-RM87 juta) dan Kelantan (-RM36.2 juta)," katanya.

Selangor adalah penyumbang utama import dengan 26.3 peratus, diikuti oleh Pulau Pinang (21.5 peratus), Johor (20.7 peratus), Kuala Lumpur (7.4 peratus) dan Kedah (6.1 peratus).